

## STRATEGI PETA KONSEP DAN STRATEGI TRADISIONAL TERHADAP PENCAPAIAN KOMSAS DALAM BAHASA MELAYU PELAJAR TINGKATAN 4

(Concept Map Strategy and Traditional Strategy Form 4 Students Achievement in Literature Component in Malay Language)

**SITI HALIJAH LAUNGENG**  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
[cthalijah47@yahoo.com](mailto:cthalijah47@yahoo.com)

**Dihantar pada:**  
20 Disember 2015

**Diterima pada:**  
15 Mac 2016

**Koresponden:**  
[cthalijah47@yahoo.com](mailto:cthalijah47@yahoo.com)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan strategi peta konsep dan strategi tradisional terhadap pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat. Kajian kuasi-eksperimen yang telah dijalankan ini melibatkan 71 orang responden daripada kalangan pelajar tingkatan empat di sebuah menengah kebangsaan di Johor. Responden dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen yang diajar melalui strategi peta konsep dan kumpulan kawalan yang diajar melalui strategi tradisional. Pengajaran telah dilaksanakan bagi lapan sesi pengajaran selama lapan minggu. Kajian ini menggunakan dua set ujian, iaitu ujian pra dan ujian pasca. Untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian KOMSAS kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan pada peringkat ujian pra dan pasca, ujian-t sampel bebas dijalankan dengan menggunakan perisian *Statistic Package For Social Science (SPSS)* versi 19.0. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Min skor pencapaian dalam ujian pasca bagi pelajar kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi berbanding dengan min skor kumpulan kawalan. Min ujian pasca bagi strategi peta konsep ialah 86.32 dan sisihan piawainya 8.901, manakala min ujian pasca bagi strategi tradisional hanya 63.19 dan sisihan piawai 14.318. Perbezaan min ujian pasca antara kumpulan pelajar strategi konsep dengan kumpulan pelajar strategi tradisional sebanyak 23.13. Secara keseluruhan, peta konsep memberi sumbangan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam KOMSAS.

**Kata kunci :** Strategi peta konsep, pengajaran KOMSAS, eksperimen

**Abstract:** *Concept map is a way of presenting a concept in the graphical form. Its usage in the process of teaching and learning can increase the students' achievement and reduce the problems in learning. The purpose of this study was to examine the effectiveness of using concept map strategy and traditional strategy in the teaching of literature in Bahasa Melayu to the form 4 students. This quasi-experimental study involved 71 respondents. They were chosen among the form four students studying at one secondary school, Johor. The respondents were divided into two groups: an experimental group which was taught using the concept map strategy, and a control group which was taught using the traditional strategy. The teaching was conducted for eight teaching sessions for a duration of eight weeks. This study used two sets of test, which were pre-test and post-test. To determine whether there was a significant difference in term of achievement in literature during the pre-test and post-test between the experimental and control group, independent sample t-test was conducted using the Statistics Package For Social Sciences (SPSS) version 19.0. The findings showed a significant difference between control and experimental group in the post-test. The mean score for achievement in the post test for the experimental group students was higher than the mean score of the control group. The mean for post-test for the strategy map concept was 86.32 and the standard deviation was 8.901. Meanwhile the mean for post-test for the traditional strategy was only 63.19 and the standard deviation was 14.318. The different of the mean for post-test between the groups of students who was taught the map concept strategy and the group who was taught traditional strategy was about 23:13. In general, the concept maps may contribute in improving the students' achievement in literature.*

**Keywords:** *Concept map, The teaching of Literature, experiment*

## PENGENALAN

Pemahaman guru tentang konsep-konsep asas dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu pendekatan, kaedah dan teknik, aktiviti dan strategi dapat membantu guru memilih kaedah dan teknik pengajaran di dalam bilik darjah. Pemahaman tersebut juga dapat membantu guru membentuk strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai kepada pelajar untuk mencapai objektif pengajarannya. Zamri (2015) menyatakan bahawa kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran banyak dikaitkan dengan gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan. Walau bagaimanapun, kejayaan dan kecemerlangan pelajar ini tidak akan menjadi kenyataan sekiranya guru masih menggunakan kaedah pengajaran tradisional, manakala pelajar pula lebih menggunakan kaedah mengingat dan memuntahkan kembali apa yang dihafal tanpa memahami konsep pembelajaran yang sebenar.

Peranan strategi pengajaran adalah penting jika kita mengajar yang berbeza dari segi kebolehan, pencapaian kecenderungan yang berbeza-beza. Menurut Burden dan Byrd (2003), strategi pengajaran adalah cara bagaimana isi pengajaran disampaikan oleh guru kepada pelajarannya bagi mencapai objektif sesuatu pengajaran. Terdapat dua strategi pengajaran yang boleh diguna pakai oleh guru, sama ada berpusatkan guru atau berpusatkan pelajar. Dalam strategi pengajaran berpusatkan guru, peranan guru lebih eksplisit, iaitu guru merancang dan menyampaikan pelajaran serta mengawal pelajar dalam aktiviti pembelajaran yang dirancang. Sebaliknya, dalam strategi pengajaran berpusatkan pelajar, guru merancang persekitaran pembelajaran pelajar yang dapat mendorong pelajar berfikir serta dapat melibatkan diri secara aktif bagi melaksanakan aktiviti pembelajaran yang dirancang oleh guru dalam pengajarannya.

Penyampaian guru dalam proses pengajaran atau penulisan teks kerap kali tidak dapat mengelak daripada menjerumuskan pemikiran pelajar atau pembaca kepada maklumat yang bersifat linear. Perkara ini menyukarkan pelajar atau pembaca melihat perkaitan yang kompleks dalam pelajaran yang diajarkan atau maklumat melalui pembacaan teks. Keadaan ini dirumitkan oleh gaya pembelajaran pelajar yang melihat maklumat secara urutan linear di samping

kegagalan melihat perkaitan yang terdapat dalam pelajaran. Keadaan ini menyebabkan pembelajaran pelajar hanya berkisar pada struktur permukaan dan menimbulkan situasi yang sukar apabila bergerak daripada maklumat asas kepada maklumat terperinci yang banyak menekankan perkaitan dalam pelbagai aspek.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, peta konsep seharusnya diberi penekanan oleh guru ketika mengajar. Pelbagai aktiviti dan tajuk dalam Bahasa Melayu yang boleh dipermudahkan dengan penggunaan peta konsep. Peta konsep juga boleh memudahkan guru mengajarkan Bahasa Melayu dengan cepat, manakala pelajar dapat mengaitkan apa yang diajarkan oleh guru melalui peta konsep dengan pengetahuan sedia ada. Zamri (2012) mendapati penggunaan peta konsep dapat meningkatkan pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 4.

## PERNYATAAN MASALAH

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), telah memperkenalkan KOMSAS sebagai komponen wajib dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, dan telah dimasukkan dalam peperiksaan PMR pada tahun 2002 dan SPM mulai 2001. Sehubungan itu, PPK telah mengeluarkan unjuran waktu mengajar bagi pengajaran KOMSAS, iaitu sebanyak 56 waktu setahun dengan mempelajari 26 karya yang meliputi genre novel, cerpen, drama, prosa tradisional, puisi tradisional, dan sajak.

Pelaksanaan KOMSAS yang bermula sejak Mac 2000 antara lain bertujuan untuk membolehkan pelajar memberikan pendapat dan hujah yang kritis dan analitis dalam pelbagai situasi serta dapat membuat tafsiran, penilaian, dan rumusan yang wajar atas pelbagai bahan yang dibaca. Namun, di sebalik tujuan yang ideal tersebut, timbul pelbagai masalah setelah aspek KOMSAS diperkenalkan di sekolah mulai tahun 2000. Antaranya, kandungan sukatan pelajaran yang perlu diajar oleh guru terlalu banyak berbanding peruntukan waktu mengajar KOMSAS (Noor Syazwani 2013). Penjadualan semula subjek Bahasa Melayu sebanyak enam kali seminggu dan dua kali sahaja diperuntukkan untuk KOMSAS juga boleh menjejaskan subjek bahasa Melayu.

Hal ini kerana untuk memberi kemahiran yang tinggi kepada pelajar dalam subjek Bahasa Melayu, masa untuk empat waktu tidak sesuai (Zamri 2012). Kandungan sukatan yang terlalu banyak menyebabkan guru cenderung memilih teks tertentu dalam KOMSAS untuk diajar kepada para pelajar.

Memandangkan kepada permasalahan ini, satu pendekatan, kaedah atau teknik dalam pengajaran dan pembelajaran wajar terus dicari. Hal ini bertujuan agar mampu menguasai kemahiran berbahasa dengan lebih baik, terutamanya dalam bidang KOMSAS, untuk mengubah stigma pelajar yang menganggap KOMSAS sukar dikuasai dan membosankan. Fenomena penghafalan fakta yang berpunca daripada amalan pengajaran yang tidak berkesan telah mendapat perhatian banyak ahli psikologi pendidikan. Mengikut Ausubel et al. (1978), fenomena penghafalan fakta dapat diatasi sekiranya wujud pembelajaran bermakna dalam kelas. Pembelajaran bermakna berlaku apabila pelajar berjaya mengaitkan konsep baharu dengan pengetahuan sedia ada. Konsep baharu yang dipelajari akan diasimilasikan dengan pengetahuan sedia ada secara sistematik dalam struktur kognitif. Peta konsep yang diperkenalkan banyak membantu pelajar untuk memahami sesuatu konsep yang dipelajari seterusnya dapat meningkatkan daya ingatan pelajar. Penggunaan peta konsep dikatakan boleh merangsang otak kiri dan kanan pelajar. Oleh yang demikian, pelajar akan dapat berfikir dengan kritis dan kreatif. Mereka berupaya mencari, mengolah dan memilih serta membuat penilaian terhadap idea yang diperoleh dengan baik.

Penggunaan peta konsep juga dapat membantu pelajar mengingat fakta dengan baik dengan penglibatan pelbagai deria. Namun demikian, guru Bahasa Melayu jarang menggunakan kaedah peta konsep ketika mengajar (Zamri 2012). Justeru, pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan peta konsep diperkenalkan. Hal ini kerana peta konsep merupakan satu teknik pengajaran yang dapat membantu pelajar menginterpretasikan bahan sastera yang dibaca dalam bentuk grafik mengikut kefahaman mereka dan lebih mudah menerima proses pembelajaran. Kenyataan ini selari dengan apa yang diutarakan oleh Zaidatol Akmalia et al. (2000), iaitu keupayaan mengingat yang

melibatkan pendengaran hanya menyumbang 10 peratus dalam ingatan seseorang, sedangkan 50 peratus lagi daripada penglihatan dan 40 peratus daripada pengalaman dan perbuatan. Proses pembinaan peta konsep melibatkan penggunaan deria penglihatan, pengalaman dan perbuatan yang akan membantu pelajar dalam ingatan jangka panjang.

Bagi pelajar, peta konsep boleh bertindak sebagai alat meta kognitif yang boleh membantu mereka menyusun atur maklumat yang diperoleh ke dalam satu kerangka pengetahuan yang lebih efektif bagi proses mengingat semula maklumat. Aktiviti memetakan konsep dapat menzahirkan kefahaman pelajar dan juga meningkatkan kemahiran penggunaan strategi pembelajaran yang lebih efektif. Proses pembelajaran sebegini membuat pelajar berasa bahawa kefahaman yang terbentuk adalah hasil usaha mereka sendiri dan bukan disogok oleh guru. Perkara ini akan menimbulkan perasaan tanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri dan keinginan untuk mencari maklumat yang tepat dan benar.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan meninjau keberkesanan penggunaan peta konsep dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Secara khusus, objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen yang menggunakan strategi peta konsep dengan pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan strategi pengajaran tradisional dalam ujian pra bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti perbezaan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen yang menggunakan strategi peta konsep dalam ujian pra dan ujian pasca bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti perbezaan antara markah pencapaian pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan strategi pengajaran tradisional dalam ujian pra dan ujian pasca bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu.

4. Mengetahui perbezaan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen yang menggunakan strategi peta konsep dengan pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan strategi pengajaran tradisional dalam ujian pasca bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu.

### HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hipotesis nol yang berikut:

- Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen yang menggunakan strategi peta konsep dengan pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan strategi pengajaran tradisional dalam ujian pra bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu.
- Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen yang menggunakan strategi peta konsep dalam ujian pra dan ujian pasca bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu.
- Ho 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan strategi tradisional dalam ujian pra dan ujian pasca bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu.
- Ho 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen yang menggunakan strategi peta konsep dengan pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan strategi pengajaran tradisional dalam ujian pasca bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu.

### METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kuasi-eksperimen, yang melibatkan pelajar di dalam bilik darjah yang sedia ada (Wiersma 2000). Dalam reka bentuk kajian ini, dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan telah dipilih untuk dibuat perbandingan terhadap pemboleh ubah. Sebelum memulakan pengajaran, ujian pra dilakukan kepada kedua-dua kumpulan

untuk melihat tahap pencapaian mereka dalam KOMSAS. Dalam kajian ini, kumpulan eksperimen akan didedahkan dan diajar dengan pengajaran menggunakan strategi peta konsep, manakala kumpulan kawalan akan diajar dengan menggunakan strategi tradisional selama lapan minggu. Semua data akan diperoleh melalui kaedah ujian pra dan ujian pasca, manakala reka bentuk yang digunakan pula ialah reka bentuk “*non equivalent control group of pre test and post test design*” (rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Reka bentuk kajian kuasi-eksperimen  
Sumber: Wiersma (2000)

Kumpulan Eksperimen	Ujian pra	X <sup>1</sup>	Ujian Pasca
Kumpulan Kawalan	Ujian pra	Y <sup>2</sup>	Ujian Pasca

X<sup>1</sup> Pengajaran menggunakan strategi peta konsep selama 8 minggu

Y<sup>2</sup> Pengajaran menggunakan strategi tradisional selama 8 minggu

Kajian kuasi-eksperimen ini dijalankan dengan menggunakan sebanyak 71 responden daripada dua buah kelas di sebuah sekolah menengah kebangsaan di negeri Johor. Kedua-dua kelas adalah daripada aliran Sains. Pengkaji juga menggunakan set soalan ujian pra dan ujian pasca untuk melihat keberkesanan strategi peta konsep dalam pengajaran KOMSAS. Untuk Ujian pra dan pasca, instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian berdasarkan tajuk-tajuk genre dalam KOMSAS tingkatan 4. Fokus pengkaji adalah pada bahagian prosa moden yang meliputi drama sahaja. Dalam kajian ini, ujian-t digunakan untuk membandingkan min data bagi set ujian pra dan ujian pasca daripada dua kumpulan responden yang berbeza. Hasil analisis ini dapat memberi gambaran dan menjelaskan strategi pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

### DAPATAN KAJIAN

#### Pencapaian KOMSAS Pelajar Strategi Peta Konsep dan Strategi Tradisional dalam Ujian Pra

Analisis Ujian-t dijalankan bagi menilai perbezaan antara pencapaian KOMSAS pelajar strategi peta

konsep dan strategi tradisional dalam ujian pra. Hasil analisis ujian-t ditunjukkan seperti Jadual 2. Berdasarkan jadual tersebut, dapatan menunjukkan bahawa min markah pencapaian bagi strategi peta konsep ialah 51.35 dan sisihan piawai ialah 18.295. Kumpulan strategi tradisional pula mencatatkan min sebanyak 47.65 dan sisihan piawainya 12.915. Dapatan juga menunjukkan bahawa nilai signifikan ( $p$ ) yang diperoleh ialah  $p=0.332$ . Hal ini bermakna aras signifikan lebih besar daripada 0.05 ( $p>0.05$ ). Ia juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian KOMSAS pelajar strategi peta konsep dengan strategi tradisional dalam ujian pra dengan nilai- $t=0.978$ .

Oleh itu, hipotesis  $H_01$ , iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen yang menggunakan strategi peta konsep dengan pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan strategi pengajaran tradisional dalam ujian pra bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu adalah diterima. Hasil ujian ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra dari segi statistik adalah setara.

Jadual 2: Ujian-t bagi menunjukkan perbezaan antara pencapaian KOMSAS pelajar strategi peta konsep dengan strategi tradisional dalam ujian pra

Ujian	Strategi	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig.
Pra	Peta konsep (N – 34)	51.35	18.295	0.978	0.332*
	Tradisional (N – 37)	47.65	12.915		

### Pencapaian KOMSAS Pelajar Strategi Peta Konsep dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

Analisis ujian-t telah dijalankan untuk menilai perbezaan pencapaian KOMSAS pelajar strategi peta konsep dalam ujian pra dan ujian pasca. Hasil analisis ujian-t didapati seperti Jadual 3. Berdasarkan jadual, didapati min ujian pra ialah 51.35 dan sisihan piawainya 18.295. Min ujian pasca pula didapati telah meningkat, iaitu 86.32 dan sisihan piawainya 8.981. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan min

pencapaian pelajar dalam KOMSAS dalam bahasa Melayu selepas rawatan diberikan kepada kumpulan eksperimen. Hasil analisis juga menunjukkan nilai signifikan ( $p$ ) yang diperoleh ialah  $p=0.000$ . Hal ini bermakna aras signifikan lebih kecil dari 0.05 ( $p<0.05$ ). Ia juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian KOMSAS pelajar strategi peta konsep antara ujian pra dengan ujian pasca dengan nilai  $t = 12.045$ . Oleh itu, hipotesis  $H_02$ , iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen yang menggunakan strategi peta konsep dalam ujian pra dan ujian pasca bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu adalah ditolak.

Jadual 3: Ujian-t bagi menunjukkan perbezaan pencapaian KOMSAS pelajar strategi peta konsep dalam ujian pra dan ujian pasca

Strategi	Ujian	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig.
Peta konsep	Pra	51.35	18.295	12.045	0.000*
	Pasca	86.32	8.981		

### Pencapaian KOMSAS Pelajar Strategi Tradisional dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

Analisis ujian-t dijalankan bagi menilai perbezaan pencapaian KOMSAS pelajar strategi tradisional dalam ujian pra dan ujian pasca. Hasil analisis ujian-t ditunjukkan seperti Jadual 4. Berdasarkan jadual, didapati min ujian pra 47.65 dan sisihan piawainya 12.915. Min ujian pasca pula didapati meningkat kepada 63.189 dengan sisihan piawainya 14.318. Dapatan ini bermakna strategi tradisional juga turut berperanan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam kumpulan kawalan. Walau bagaimanapun, peningkatan yang berlaku adalah lebih kecil berbanding dengan peningkatan min markah bagi kumpulan eksperimen. Hasil ujian-t juga menunjukkan nilai signifikan ( $p$ ) yang diperoleh ialah  $p=0.000$ . Hal ini bermakna aras signifikan lebih kecil daripada 0.05 ( $p<0.05$ ) dan ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian KOMSAS pelajar strategi tradisional antara ujian pra dengan ujian pasca dengan nilai- $t=-8.846$ .

Oleh itu, hipotesis Ho3, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan strategi tradisional dalam ujian pra dan ujian pasca bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu adalah ditolak.

Jadual 4: Ujian-t bagi menunjukkan perbezaan pencapaian KOMSAS pelajar strategi tradisional dalam ujian pra dan ujian pasca

Strategi	Ujian	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig.
Peta konsep	Pra	47.65	2.915	-	0.000*
	Pasca	63.189	14.318	8.846	

#### Pencapaian KOMSAS Pelajar Strategi Peta Konsep dan Strategi Tradisional dalam Ujian Pasca

Analisis ujian-t dijalankan bagi menilai perbezaan antara pencapaian KOMSAS pelajar strategi peta konsep dengan strategi tradisional dalam ujian pasca. Hasil analisis ujian-t dalam Jadual 5 menunjukkan perbezaan pencapaian antara pencapaian KOMSAS pelajar strategi peta konsep dengan strategi tradisional dalam ujian pasca. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar yang diajar melalui strategi peta konsep memiliki min yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang diajar melalui strategi tradisional. Min ujian pasca bagi strategi peta konsep ialah 86.32 dan sisihan piawainya 8.901, manakala min ujian pasca bagi strategi tradisional hanya 63.19 dan sisihan piawai 14.318. Perbezaan min ujian pasca antara kumpulan pelajar strategi konsep dengan kumpulan pelajar strategi tradisional sebanyak 23.13. Hal ini bermakna bahawa pencapaian pelajar dengan strategi peta konsep adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang menggunakan strategi tradisional.

Jadual 5 juga turut memaparkan nilai signifikan ( $p$ ) yang diperolehi, iaitu  $p=0.000$ . Hal ini bermakna aras signifikan lebih kecil daripada 0.05 ( $p<0.05$ ). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian Komponen Sastera pelajar strategi peta konsep dengan strategi tradisional dalam ujian pasca dengan nilai-t=8.224. Oleh itu, hipotesis Ho4, iaitu

tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen yang menggunakan strategi peta konsep dengan pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan strategi pengajaran tradisional dalam ujian pasca bagi mata pelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu adalah ditolak.

Jadual 5: Ujian-t bagi menunjukkan perbezaan antara pencapaian KOMSAS pelajar strategi peta konsep dengan strategi tradisional dalam ujian pasca

Ujian	Strategi	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig.
Pasca	Peta konsep (N – 34)	86.32	8.901	8.224	0.000*
	Tradisional (N – 37)	63.19	14.318		

#### PERBINCANGAN

Perbincangan kajian ini merangkumi aspek penggunaan peta konsep untuk meningkatkan pencapaian KOMSAS bagi pelajar tingkatan 4. Selain itu, perbincangan ini turut melihat kesan pengajaran ke atas pencapaian kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan ujian pasca dan perbezaan pencapaian kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pasca.

Perbandingan pencapaian digunakan untuk melihat sama ada pengajaran menggunakan peta konsep memberi kesan terhadap kumpulan eksperimen. Perbandingan antara pencapaian kumpulan eksperimen dan pencapaian kumpulan kawalan dibuat menggunakan ujian-t. Sebanyak empat hipotesis yang dikemukakan untuk melihat perbandingan pencapaian antara kelas kumpulan eksperimen dan kelas kawalan sebelum dan selepas diajar KOMSAS. Hipotesis 1 (Ho1) tidak ditolak, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen (Tingkatan 4 Sains Agama) yang menggunakan strategi peta konsep dengan pelajar kumpulan kawalan (Tingkatan 4 Sains Tulen) yang menggunakan strategi pengajaran tradisional dalam ujian pra bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu.

Secara keseluruhan, markah sebelum pengajaran bagi kedua-dua kelas rawatan dan kawalan tidak dapat perbezaan yang signifikan.

Hal ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian awal (ujian pra) bagi kedua-dua kumpulan adalah sama. Hal ini bermakna peta konsep tidak mempengaruhi pembelajaran KOMSAS dalam kalangan pelajar. Dapatan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Jumaliah (2014) dan Nik Nur Fariah (2014) yang menyatakan bahawa peta pemikiran tidak memberi kesan apa-apa kepada pelajar sebelumnya. Bahkan dapatan kajian ini selari dengan kajian Azizah (2000) dalam penggunaan peta konsep dalam pengajaran mata pelajaran Sains pelajar Tingkatan 1 juga menunjukkan penggunaan peta konsep adalah lebih baik daripada pengajaran biasa.

Selepas menjalani proses pengajaran KOMSAS selama 8 minggu, kumpulan eksperimen dan kumpulan rawatan diberikan ujian pasca. Berdasarkan dapatan, jelas menunjukkan bahawa hipotesis 2 (Ho2) dan hipotesis 3 (Ho3) ditolak. Ho2, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan eksperimen (Tingkatan 4 Sains Agama) yang menggunakan strategi peta konsep dalam ujian pra dan ujian pasca bagi mata pelajaran Komponen Sastera dalam bahasa Melayu ditolak. Perkara ini bermakna terdapat peningkatan pencapaian dalam ujian pasca berbanding dengan ujian pra bagi kumpulan eksperimen. Didapati min ujian pra ialah 51.35 dan sisihan piawainya 18.295. Min ujian pasca pula didapati telah meningkat, iaitu 86.32 dan sisihan piawainya 8.981. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan min pencapaian pelajar dalam pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu selepas rawatan diberikan kepada kumpulan eksperimen.

Hal ini berlaku juga pada kelas kumpulan kawalan. Ho3, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar kumpulan kawalan (Tingkatan 4 Sains Tulen) yang menggunakan strategi tradisional dalam ujian pra dan ujian pasca bagi pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa kumpulan kawalan juga terdapat perbezaan markah dalam ujian pra (47.65) dan ujian pasca, namun perbezaan adalah lebih rendah berbanding bagi kumpulan rawatan. Didapati min ujian pra 47.65 dan sisihan piawainya 12.915. Min ujian pasca pula didapati meningkat kepada 63.189.

Perbandingan markah pencapaian dalam ujian pasca antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan turut dikenal pasti. Hipotesis Ho4, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pencapaian pelajar-pelajar kumpulan eksperimen (Tingkatan 4 Sains Agama) yang menggunakan strategi peta konsep dengan pelajar kumpulan kawalan (Tingkatan 4 Sains Tulen) yang menggunakan strategi pengajaran tradisional dalam ujian pasca bagi tajuk KOMSAS dalam Bahasa Melayu ditolak. Penolakan Ho4 ini disebabkan terdapat perbezaan markah pencapaian antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Min ujian pasca bagi strategi peta konsep ialah 86.32 dan sisihan piawainya 8.901, manakala min ujian pasca bagi strategi tradisional hanya 63.19 dan sisihan piawai 14.318. Perbezaan min ujian pasca antara kumpulan pelajar strategi konsep dengan kumpulan pelajar strategi tradisional sebanyak 23.13. Ini bermakna bahawa pencapaian pelajar dengan strategi peta konsep adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang menggunakan strategi tradisional.

Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan peta konsep dapat meningkatkan kefahaman dan pencapaian pelajar dalam KOMSAS. Penggunaan peta konsep boleh dijadikan satu strategi untuk pemahaman tentang makna konsep-konsep dalam KOMSAS dengan lebih mendalam. Hasil kajian ini sejajar dengan Awaatif (2011) telah membuat kajian berkaitan kesan penggunaan perisian kursus dengan peta konsep terhadap pencapaian pelajar dalam Pengetahuan Agama Islam Tingkatan Empat. Hasil analisis ujian-t mendapati bahawa skor min bagi peta konsep ujian pos lebih tinggi daripada skor min peta konsep ujian pra. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan Quesda et al. (2008) di Mexico berkaitan penggunaan peta konsep dalam mata pelajaran Sejarah. Beliau telah mendapati bahawa keputusan ujian pos memperlihatkan bahawa kumpulan eksperimen yang menggunakan kaedah peta konsep dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah menunjukkan peningkatan min berbanding kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah biasa.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penggunaan peta konsep sebagai salah strategi pengajaran KOMSAS sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam KOMSAS. Dapatan kajian turut membuktikan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran menggunakan peta konsep lebih efektif berbanding pengajaran dan pembelajaran secara tradisional. Zamri (2012) berpendapat peta konsep mampu menghasilkan pelajar yang lebih baik. Peta konsep turut memberikan satu alternatif kepada pendekatan pengajaran guru yang lebih berstruktur, praktikal dan bermakna. Oleh itu, pendidik harus melakukan satu inovasi dalam gaya pengajaran masing-masing bagi mencapai anjakan paradigma pedagogi dunia pendidikan. Pelajar juga perlu bekerjasama dengan guru bagi menjadi pelajar yang mahir untuk belajar bahasa Melayu agar dapat meningkatkan martabat bahasa Melayu itu sendiri dan seterusnya membantu meningkatkan pembelajaran pelajar.

## RUJUKAN

- Ausubel, D.P. et al. 1978. *Educational psychology: A cognitive view*. New York: Holt, Riehart & Winston.
- Awaatif Ahmad & Norizan Esa. 2011. Kesan penggunaan perisian kursus (courseware) dengan peta konsep terhadap pencapaian pelajar. *Asia Pacific Journal of Educator and Education*, 26 ( 1): 51-70.
- Azizah Abdullah. 2000. Keberkesanan penggunaan peta konsep dalam mata pelajaran Sains di Kementerian Pelajaran Malaysia. Draf Pemetaan Kerja Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Burden, P.R. & Byrd, D.M. 1994. *Methods for effective teaching*. Boston: Allyn & Bacon.
- Jumaliah Mingan. 2014. Penggunaan peta pemikiran i-think dalam pembelajaran Bahasa Melayu peringkat menengah atas. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nik Nur Fariah Nik Harimi. 2014. Keberkesanan kaedah peta pemikiran i-think terhadap pencapaian, sikap, kesediaan dan penerimaan murid tingkatan empat. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Novak, J.D. & Gowin, D.B. 2008. *Learning how to learn*. New York: Cambridge University Press
- Novak, J.D. 1990. Concept Map and veediagrams: Two metacognitive tools to facilitate meaningful learning. *Learning Science*, 19: 29-52.
- Nurazlin Zainal Abidin. 2008. Kesan penggunaan peta konsep ke atas pencapaian mata pelajaran Reka Bentuk Sistem dalam kalangan pelajar. *Masalah Pendidikan*, 27: 198-212.
- Quesda, R., Reynaud, B., Tores, M.C & Estrada, C. 2008. Concepts map as a learning strategy of History in secondary school in Mexico. *Proceeding of the Third International Conference of Concepts Mapping*. <http://cmap.ihmc.us/publications/ResearchPapers/> [14 Mac 2012]
- Wiersma , W.2000. *Research methods in educational: An introduction*. 7<sup>th</sup> . Ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Zaidato Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias. 2000. *Pengajaran dan pembelajaran Perdagangan, Keusahawanan dan Ekonomi Asas*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zamri Mahamod, 2012. *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. 2015. *Strategi belajar: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.